

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B DR. KO CHUNG SEN [ KAMPAR ]**

**TARIKH : 16.3.2015**

**SOALAN :**

**Dr. Ko Chung Sen [ Kampar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) jumlah wang yang dibelanjakan untuk meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah; dan
- (b) tindakan yang telah diambil setakat ini dan pencapaian yang diperolehi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Pada tahun 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menggunakan peruntukan yang diluluskan dalam bajet sebanyak RM101.5 juta bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid dan guru di sekolah.
- b) KPM telah melaksanakan pelbagai langkah intensif bagi meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid dan guru. Antara inisiatif utama yang dilaksanakan ialah Program Penutur Jati Bahasa Inggeris (PPJBI), *Fulbright English Teaching Assistants (ETA)* dan Guru Kontrak Bahasa Inggeris. Di samping itu, KPM juga turut melaksanakan program *Professional Upskilling of English Language Teachers (Pro-ELT)* untuk guru

serta Program *Oral Proficiency in English for Secondary Schools* (OPS-English) dan Program Peningkatan Penguasaan Bahasa Inggeris SPM (PPPBI SPM) untuk murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program ETA dan PPJBI telah membantu meningkatkan kemahiran berkomunikasi guru serta tahap profisiensi dan pedagogi mereka di dalam bilik darjah. Berdasarkan Penilaian Pencapaian KPI PPJBI pada tahun 2014, tahap penguasaan guru dalam bahasa Inggeris telah meningkat dengan signifikan. Sebanyak 98 peratus guru-guru yang terlibat dalam PPJBI memperlihatkan peningkatan dalam aspek pengurusan kelas, motivasi murid, penyediaan bahan sumber dan penilaian sendiri guru. Dalam kalangan guru yang dinilai berdasarkan *Common European Framework of Reference* (CEFR), didapati bilangan guru yang berada pada tahap rendah iaitu Band A1, A2 dan B1 telah berkurangan manakala guru yang berada pada Band C1, C2 dan B2 meningkat dengan signifikan.

Kajian yang dijalankan oleh pihak universiti mendapati bahawa melalui program Pro-ELT, kemahiran guru telah meningkat dalam tiga aspek, iaitu profisiensi, pedagogi dan pencapaian murid.

Manakala penilaian berasaskan kemahiran bahasa Inggeris bagi seramai 21,568 murid yang dipilih secara rawak menunjukkan sebanyak 58.6 peratus murid-murid meningkat satu band, 30.8 peratus meningkat dua band dan 10.6 peratus murid meningkat band ke atas, menggunakan pendekatan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS).